

02/10/1997

100 syarikat dijangka beroperasi di MSC

Kadir Dikoh

SERATUS syarikat dijangka beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSC) menjelang akhir tahun depan, kata Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Dr Mohamed Arif Nun.

Buat permulaan, menurutnya, MDC sudah mengenal pasti 10 syarikat perintis untuk memulakan operasi pelancaran di MSC menjelang Januari depan dan syarikat terbabit yang berasaskan teknologi maklumat (IT) dijangka mula berpindah ke kawasan MSC November ini.

"Keseluruhannya kami menerima permohonan daripada 112 syarikat untuk beroperasi dalam MSC. Daripada jumlah itu, 41 sudah diluluskan dan permohonan tiga lagi ditolak.

"Bagaimanapun, permohonan daripada lapan syarikat lagi sedang dipertimbangkan dan baki 60 lagi sedang dalam proses penilaian," katanya di sidang perdagangan elektronik dan pasaran modal anjuran Suruhanjaya Sekuriti (SC) di Petaling Jaya, awal bulan ini.

Beliau berkata, jumlah permohonan itu melebihi jangkauan awal dan MDC yakin mencapai sasaran untuk meluluskan 50 syarikat bagi memulakan operasi tidak lama lagi.

Menurutnya, daripada semua permohonan itu, 31 peratus adalah syarikat tempatan dan 28 peratus pula usaha sama di antara firma tempatan dan asing.

Syarikat dari Eropah mengetuai senarai permohonan asing, dengan 13.4 peratus (15 permohonan), Amerika Syarikat 11.6 peratus (13), Jepun 5.4 peratus (8) dan cuma satu permohonan atau 0.9 peratus diterima dari Kanada.

"Walaupun jumlah permohonan itu amat mengalakkan, kami berhati-hati ketika membuat pemilihan kerana syarikat yang beroperasi dalam MSC dikehendaki untuk terus mengeluarkan produk serta perkhidmatan inovatif," katanya.

MSC merangkumi kawasan seluas kira-kira 750 kilometer persegi meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang (KLIA), pusat pentadbiran baru kerajaan dan bandar raya IT di Putrajaya dan bandar raya multimedia, Cyberjaya dengan cadangan pelaburan sebanyak RM5.5 bilion.

Fasa pertama pembangunan prasarana MSC akan menghubungkan KLIA, Cyberjaya, Putrajaya dan ke bandar raya Kuala Lumpur yang dijangka siap 1998. Fasa kedua pula membabitkan penyambungan terus dari KLIA ke bandar raya Kuala Lumpur dan dijangka siap menjelang tahun 2005. Telekom Malaysia Bhd dilantik sebagai pembekal tunggal prasarana telekomunikasi bagi MSC dengan kontrak RM5 bilion untuk memasang rangkaian gentian optik mengikut projek itu.

Mohamed Arif berkata, undang-undang siber bagi melicinkan perjalanan operasi syarikat di MSC turut diperkenal. Empat akta berkenaan sudah dilulus oleh Parlimen pada Mac dan Mei lalu iaitu Akta Jenayah Komputer, Akta Tandatangan Digital, Akta Teleperubatan dan Akta Hak Cipta (Pindaan).

Katanya, Akta Penyatuan Multimedia yang kini dalam proses akhir dirangka dijangka dibentangkan di Parlimen bulan depan.

Beliau juga berkata, promosi MSC di luar negara seperti di London dan Stockholm Mei lalu mendapat sambutan yang mengalakkan dan menghasilkan minat yang cukup memberangsangkan di kalangan pelabur. Ketika di Kuala Lumpur baru-baru ini, Menteri dari Jabatan Perdagangan dan Industri, United Kingdom, Lord Clinton-Davis, berkata lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed ke London Mei lalu bagi mendapatkan sokongan

menjayakan MSC disifatkan sebagai berjaya menimbulkan kefahaman mendalam kepada pelabur British.

Davis berkata syarikat Britain ternama seperti British Telecom, kini menunjukkan minat yang tidak berbelah bagi terhadap konsep keseluruhan MSC dan mereka menghantar pasukan untuk mengkaji dengan mendalam serta menjangka sebilangan syarikat Britain akan terbabit dalam koridor itu tidak lama lagi.

(END)